

27 APR 1999

Muhyiddin-KESUMA

LEBIH 50,000 DIJANGKA SERTAI SUKAN UNTUK SEMUA

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Karnival Sukan Untuk Semua (KESUMA) kali kedua di Kompleks Sukan Bukit Jalil di sini dari 3 hingga 7 Sept ini dijangka menarik lebih 50,000 ahli sukan yang belum pernah mewakili negeri atau negara.

Mereka akan menyertai pelbagai acara sukan seperti bola sepak lima sebelah, bola keranjang dan bola tampar pantai, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan karnival itu pada 4 Sept, kata kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengelola karnival itu.

Empat acara pula akan melibatkan pertandingan antara negeri iaitu bola jaring, bola tampar, sepak takraw dan seni mempertahankan diri manakala acara-acara terbuka lain termasuk karom, catur, mendaki tembok tiruan dan lumba jalan kaki.

"Kecuali pemain kebangsaan atau negeri, semua yang lain layak menyertai karnival sukan ini tanpa sebarang bayaran," kata Muhyiddin.

Kerajaan akan membelanjakan RM1.5 juta bagi menganjurkan sukan itu manakala pihak swasta pula diminta menghulurkan bantuan kewangan bagi menjayakannya.

Beliau berkata KESUMA adalah satu usaha ke arah merealisasikan konsep Sukan Untuk Semua bagi membolehkan individu mengambil bahagian dalam kegiatan sukan dan rekreasi pilihan masing-masing.

Muhyiddin berkata ekspo barangan sukan dan rekreasi juga akan diadakan sempena sukan itu.

KESUMA dikelolakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Ia diadakan dua tahun sekali berselang dengan Sukan Malaysia (SUKMA).

KESUMA yang pertama diadakan pada 1997 dengan penyertaan 20,000 orang.

-- BERNAMA

DC MAI